

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 08 OKTOBER 2016

MBSA tawar diskaun kompaun 50 peratus

*Shahrin
Sot*

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan melaksanakan Kempen Pengurangan Kompaun Siri 2/2016 sehingga 50 peratus untuk memberi peluang kepada Orang Kena Kompaun (OKK) menyelesaikan tunggakan kompaun kepada pihak Majlis sempena sambutan Bandar Raya Shah Alam Ke-16.

Pelaksanaan kempen pengurangan kompaun ini akan bermula mulai 30 September

hingga 31 Oktober 2016 dengan menawarkan sehingga 50 peratus pengurangan daripada bayaran sebenar kompaun yang dikenakan.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad berkata, kempen yang dilaksanakan ini merupakan inisiatif MBSA untuk membantu dan menggalakkan OKK menyelesaikan tunggakan kompaun sebelum tindakan tegas dikenakan terhadap mereka.